



NEGERI SEMBILAN

PENYATA KEWANGAN 2016

*“MEMAKMURKAN NEGERI,
MENSEJAHTERAKAN RAKYAT”*



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI NEGERI SEMBILAN 2016

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan 2016 disediakan oleh Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentang di Dewan Undangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan melaporkan urusniaga kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri bagi tahun kewangan 2016.

Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan dalam menyiapkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2016.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pegawai dan anggota Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan di atas kejayaan menghasilkan Penyata Kewangan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Audit Negara khususnya Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan serta semua pegawainya atas nasihat dan kerjasama yang diberikan sepanjang tahun kewangan 2016.

Perancangan yang tersusun, komitmen, diikuti dengan pertanggungjawaban semua pihak telah membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2016 disediakan dengan sempurna dan bertepatan masa untuk diaudit seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

(YB. DATO' JOHANI BIN HASSAN)

Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

KANDUNGAN
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 2016

Tajuk	Muka Surat
LAPORAN BENDAHARI NEGERI	1 - 8
PENYATA KEWANGAN	
Sijil Ketua Audit Negara	9
Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Negeri Sembilan	10
Penyata Kedudukan Kewangan	11
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	12
Penyata Prestasi Kewangan	13
Penyata Akaun Memorandum	14
Nota Kepada Penyata Kewangan	15 - 30
LAMPIRAN KEPADA NOTA	
Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus	31 - 57
Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan	58 - 65
Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	66
Lampiran 3(i) - Penyata Lengkap Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	67 - 69
Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	70
Lampiran 5 - Penyata Lengkap Memorandum Hutang Kerajaan Negeri	71 - 77
Lampiran 6 - Penyata Lengkap Kumpulanwang Amanah Awam	78 - 80
Lampiran 7 - Penyata Lengkap Deposit	81 - 84

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS
LAPORAN BENDAHARI NEGERI TAHUN 2016

Pendahuluan

Penyata Kewangan Negeri, Negeri Sembilan dan laporannya disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) dan Piawai Perakaunan Kerajaan Malaysia. Laporan ini bertujuan menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta ringkasan urusniaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Perbendaharaan Negeri telah dapat menyiapkan Penyata Kewangan Tahun 2016 mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan diserahkan kepada Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan pada 27 Januari 2017.

KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Prestasi Belanjawan

Belanjawan tahun 2016 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada November 2015, menganggarkan kutipan hasil sebanyak RM384.04 juta dan memperuntukkan sebanyak RM384.04 juta bagi perbelanjaan mengurus serta RM93.73 juta bagi perbelanjaan pembangunan.

Jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2016 adalah RM454.12 juta (termasuk RM64.11 juta yang dipindahkan dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan) iaitu 95.05% dari peruntukan berjumlah RM477.77 juta. Daripada jumlah ini, perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM366.31 juta (termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM87.81 juta.

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan dan perbelanjaan bekalan. Perbelanjaan tanggungan adalah berjumlah RM19.58 juta, iaitu 96.82% dari jumlah peruntukan RM20.22 juta manakala perbelanjaan bekalan berjumlah RM346.73 juta (termasuk pindahan ke Kumpulan Wang

Pembangunan), iaitu 95.30% dari jumlah peruntukan RM363.82 juta.

Bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2016 telah mencatat perbelanjaan sebanyak RM87.81 juta iaitu 93.68% daripada peruntukan yang disediakan berjumlah RM93.73 juta.

Jadual 1 menunjukkan prestasi belanjawan berbanding prestasi sebenar kutipan hasil dan perbelanjaan bagi tahun 2016.

**JADUAL 1 - PRESTASI BELANJAWAN
KERAJAAN NEGERI**

Butiran	Anggaran (RM juta)	Sebenar (RM juta)	%
Hasil	384.04	380.55	99.09
Perbelanjaan Mengurus	384.04	366.31	95.38
Perbelanjaan Pembangunan	93.73	87.81	93.68

Prestasi Kewangan

Operasi kewangan Kerajaan Negeri untuk tahun 2016 telah menunjukkan lebih dalam Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM14.24 juta berbanding catatan lebih RM31.13 juta pada tahun 2015. Lebih ini berpunca daripada hasil yang dikutip berjumlah RM380.55 juta berbanding perbelanjaan mengurus (termasuk pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan sebanyak RM64.11 juta) berjumlah RM366.31 juta. Kesan daripada lebih tersebut baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat 4.71% daripada RM302.30 juta pada tahun 2015 kepada RM316.54 juta pada tahun 2016.

Kumpulanwang Pembangunan Negeri mencatatkan defisit dalam operasi kewangannya untuk tahun 2016 berjumlah RM3.39 juta berbanding lebih RM5.71 juta pada tahun 2015. Ini menyebabkan baki defisit terkumpul Kumpulanwang tersebut meningkat dari RM310.07 juta pada tahun 2015 kepada RM313.46 juta pada tahun 2016.


Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (KWABA) pula mencatatkan pengurangan defisit berjumlah RM30.93 juta untuk tahun 2016 berbanding defisit RM32.13 juta pada tahun 2015. Pengurangan defisit tersebut adalah disebabkan pindahan sebanyak RM1.2 juta dari Akaun Hasil Disatukan.

Ringkasan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 2**.

JADUAL 2 - PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
AKAUN HASIL		
Hasil	380.55	383.98
Perbelanjaan Mengurus (sebelum caruman kepada KW pembangunan)	(302.20)	(284.00)
Caruman kepada KW Pembangunan	78.35 (64.11)	99.98 (65.85)
Pindahan kepada Akaun Amanah Permasalahan Rakyat	-	(3.00)
Lebihan/ (Defisit) Akaun Hasil	14.24	31.13
AKAUN PEMBANGUNAN		
Terimaan Kumpulanwang Pembangunan	84.42	102.64
Perbelanjaan Pembangunan	(87.81)	(96.93)
Lebihan/ (Defisit) Akaun Pembangunan	(3.39)	5.71

Carta 1 menunjukkan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun.



KUMPULANWANG DISATUKAN NEGERI

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah aset yang dipegang bagi ketiga-tiga **Kumpulanwang Negeri Yang Disatukan** iaitu **Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan** dan **Akaun Amanah Disatukan**. Jumlah aset yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2016 meningkat sebanyak RM18.18 juta kepada RM540.19 juta atau 3.48% berbanding RM522.01 juta pada tahun 2015.


Jumlah ini terdiri daripada **Wang Tunai** berjumlah RM180.17 juta dan **Pelaburan** berjumlah RM360.02 juta. Dari jumlah aset tersebut, sebanyak RM316.55 juta adalah dipegang untuk Akaun Hasil Disatukan dan RM223.64 juta untuk Akaun Amanah Disatukan.

Jadual 3 menunjukkan perbandingan Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 dan 2016.

JADUAL 3 - PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Butiran	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
ASET:		
Wang Tunai	180.17	197.30
Pelaburan	360.02	324.71
	<u>540.19</u>	<u>522.01</u>
JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI:		
Akaun Hasil Disatukan	316.55	302.30
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00
Akaun Amanah Disatukan	223.64	219.71
	<u>540.19</u>	<u>522.01</u>


Carta 2 menunjukkan kedudukan Kumpulan wang Disatukan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2015 – 2016.



AKAUN HASIL DISATUKAN

Kutipan Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2016 berjumlah RM380.55 juta berbanding RM383.98 juta pada tahun 2015, penurunan sebanyak RM3.43 juta atau 0.89%.

Carta 3 menunjukkan pecahan peratus kutipan hasil Kerajaan Negeri mengikut jenis pada tahun 2016.



Hasil Cukai

Hasil Cukai menyumbangkan sejumlah RM128.08 juta atau 33.66% dari keseluruhan kutipan hasil negeri. Jumlah ini menurun sebanyak RM1.91 juta atau 1.47% berbanding hasil cukai tahun 2015 sebanyak RM130.01 juta. Pungutan dari **Cukai Langsung** berjumlah RM122.39 juta manakala RM5.69 juta terdiri daripada **Cukai Tidak Langsung**. Sumber utama Cukai Langsung ialah Cukai Tanah berjumlah RM120.74 juta dan Cukai Keluaran Hutan RM1.61 juta. Bagi Cukai Tidak Langsung, sumber utamanya adalah dari Cukai Tiket Pawagam yang berjumlah RM5.69 juta.

Hasil Bukan Cukai

Prestasi pungutan **Hasil Bukan Cukai** adalah sebanyak RM186.29 juta pada tahun 2016 berbanding RM192.59 juta pada tahun 2015 iaitu penurunan sebanyak RM6.30 juta atau 3.28%.

Hasil Bukan Cukai menyumbangkan 48.95% dari keseluruhan hasil negeri, yang terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit sebanyak RM35.98 juta, Perkhidmatan dan Bayaran sebanyak RM20.66 juta, Perolehan dari Jualan Barang-Barang sebanyak RM97.44 juta, Sewaan sebanyak RM0.90 juta, Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan sebanyak RM26.85 juta serta Denda dan Hukuman sebanyak RM4.47 juta.

Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil adalah sebanyak RM66.18 juta pada tahun 2016 berbanding RM61.38 juta pada tahun 2015. Ia merupakan peningkatan sebanyak RM4.80 juta atau 7.82%. Terimaan Bukan Hasil terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan RM4.45 juta dan Terimaan dari Agensi Kerajaan RM60.91 juta. Ia menyumbangkan 17.39% dari keseluruhan Hasil Negeri.

Laporan terperinci bagi hasil boleh dirujuk kepada **Nota 5: Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Jadual 4 menunjukkan komponen Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015.

JADUAL 4 - HASIL KERAJAAN NEGERI

Butiran	2016		2015	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Hasil Cukai	128.08	33.66	130.01	33.86
Hasil Bukan Cukai	186.29	48.95	192.59	50.16
Terimaan Bukan Hasil	66.18	17.39	61.38	15.99
JUMLAH HASIL	380.55	100	383.98	100

Jadual 5 menunjukkan butiran hasil utama Kerajaan Negeri bagi tahun 2016.

JADUAL 5 - HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI

Butiran	RM Juta	% daripada Jumlah Hasil
HASIL CUKAI		
Cukai Tanah	120.74	31.73
HASIL BUKAN CUKAI		
Premium Tanah	62.46	16.41
Permit Tanah dan Galian	33.00	8.67
Caj Air Mentah Domestik dan Komersial	31.05	8.16
Bayaran Iktisas	20.43	5.36
Dividen, Faedah dan Keuntungan daripada Pelaburan	23.20	6.10
TERIMAAN BUKAN HASIL		
Pemberian dan Caruman Kerajaan Persekutuan	47.71	12.54
Bayaran Balik Pinjaman Dari Agensi	3.20	0.84
JUMLAH	341.78	89.81

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus Negeri tahun 2016 adalah berjumlah RM366.31 juta (termasuk Caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan sebanyak RM64.11 juta) berbanding RM352.85 juta pada tahun 2015. Jumlah ini termasuk perbelanjaan tanggungan sebanyak RM19.58 juta. Perbelanjaan mengurus menunjukkan peningkatan sebanyak RM13.46 juta atau 3.81% berbanding tahun 2015 disebabkan peningkatan dalam emolumen serta aset.

Emolumen meningkat dari RM137.94 juta pada tahun 2015 kepada RM143.34 juta pada tahun 2016. Pertambahan adalah sebanyak RM5.40 juta atau 3.91% antaranya disebabkan kenaikan tahunan gaji kakitangan Kerajaan Negeri, pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan amaun satu (1) KGT kepada pegawai bertaraf tetap, sementara dan kontrak (Contract of service) pada Julai 2016, pemberian Bantuan Khas Kewangan kepada penjawat awam Negeri sebanyak RM500.00 pada bulan Jun dan Disember 2016.

Perkhidmatan dan Bekalan menunjukkan penurunan dari RM79.25 juta pada tahun 2015 kepada RM79.05 juta pada tahun 2016. Penurunan adalah sebanyak RM0.2 juta atau 0.25%.

Pembelian Aset meningkat dari RM1.05 juta pada tahun 2015 kepada RM2.93 juta pada tahun 2016.


Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap menunjukkan peningkatan dari RM128.01 juta pada tahun 2015 kepada RM135.75 juta pada tahun 2016. Peningkatan sebanyak RM7.74 juta atau 6.05% antaranya disebabkan oleh caruman kepada Badan Berkanun sebanyak RM6.16 juta, caruman kepada Akaun Amanah sebanyak RM14.87 juta dan pemberian Anugerah Siswazah Cemerlang berjumlah RM1.95 juta.

Perbelanjaan-perbelanjaan lain menunjukkan penurunan dari RM6.60 juta pada tahun 2015 kepada RM5.24 juta pada tahun 2016.

Jadual 6 menunjukkan komponen perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 manakala **Carta 4** menunjukkan pecahan peratus perbelanjaan mengurus Negeri mengikut jenis bagi tahun 2016.

JADUAL 6 - PERBELANJAAN MENGURUS

Perbelanjaan Sebenar	2016		2015	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Emolumen	143.34	39.13	137.94	39.09
Perkhidmatan dan Bekalan	79.05	21.58	79.25	22.46
Aset	2.93	0.80	1.05	0.30
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	135.75	37.06	128.01	36.28
Lain-Lain	5.24	1.43	6.60	1.87
JUMLAH	366.31	100	352.85	100



Laporan Terperinci bagi Perbelanjaan Mengurus boleh dirujuk kepada **Lampiran 1 – Lampiran kepada Nota**

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Pinjaman Dari Kerajaan Persekutuan

Sepanjang tahun 2016 pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM13.49 juta berbanding RM28.43 juta pada tahun 2015. Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar pada 31 Disember 2016 kerana telah dipindahkan kepada Akaun Amanah Pembangunan Bekalan Air untuk membiayai projek Bekalan Air.

Laporan terperinci Akaun Pinjaman Disatukan boleh dirujuk kepada **Nota 6 – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Kumpulanwang Pembangunan Negeri

Bagi tahun 2016, Kumpulanwang ini mencatatkan defisit RM3.39 juta berbanding lebih RM5.70 juta pada tahun 2015. Terimaan Kumpulanwang ini bagi tahun 2016 adalah RM84.43 juta berbanding RM102.64 juta pada tahun 2015.

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM87.81 juta berbanding RM96.93 juta pada tahun 2015. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan adalah untuk menaiktaraf jalan, membina jalan baru dan mengganti jambatan oleh Jabatan Kerja Raya sebanyak RM11.92 juta, kerja-kerja kecil ADUN sebanyak RM11.85 juta, pembinaan/ penurapan jalan luar bandar, pembinaan/ pengubahsuaian kompleks sukan/ dewan/ balairaya, sistem komputer Negeri Sembilan, program pencahayaan jalan serta pelbagai projek di bawah aktiviti Pelbagai sebanyak RM9.02 juta.

Laporan Terperinci bagi Perbelanjaan Pembangunan boleh dirujuk kepada **Lampiran 2 – Lampiran kepada Nota**.

Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Baki terkumpul kumpulanwang ini adalah berjumlah RM375.32 juta berbanding RM377.55 juta pada tahun 2015. Kumpulanwang ini terdiri dari Akaun Penyelesaian

sebanyak RM35.29 juta, Akaun Pinjaman RM16.70 juta, Kumpulanwang Luar Jangka RM2.00 juta dan Pelbagai Kumpulanwang sebanyak RM321.33 juta.

Akaun Kena Bayar adalah berjumlah RM3.85 juta berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM10.45 juta. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM6.6 juta atau 63.16%.

Laporan terperinci Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(iii) – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Kumpulanwang Amanah Awam

Terimaan Kumpulanwang Amanah ini pada tahun 2016 berjumlah RM110.84 juta manakala bayarannya berjumlah RM89.55 juta menjadikan baki terkumpul kumpulanwang ini berjumlah RM102.34 juta pada tahun 2016 berbanding RM123.63 juta pada tahun 2015.

Laporan Terperinci Kumpulan Wang Amanah Awam boleh dirujuk kepada **Nota 7(b) – Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 6 - Lampiran kepada Nota**.

Deposit

Deposit adalah terdiri daripada wang yang diterima khusus oleh Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau mengikut perjanjian, dan perlu dibayar balik apabila maksud berkenaan telah dicapai. Baki Deposit yang dikendalikan oleh Jabatan Negeri pada tahun 2016 adalah sebanyak RM86.53 juta berbanding tahun 2015 berjumlah RM50.28 juta.

Laporan Terperinci Akaun Deposit boleh dirujuk kepada **Nota 7(c) – Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 7 - Lampiran kepada Nota**.

ASET

Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2016 berjumlah RM180.17 juta berbanding RM197.29 juta pada tahun 2015 iaitu penurunan sebanyak RM17.12 juta atau 8.68%. Sejumlah RM174.00 juta adalah dalam bentuk simpanan tetap iaitu peningkatan sebanyak RM3.00 juta atau 1.78% berbanding RM169.00 juta pada 2015. Simpanan tetap tempoh matang tiga bulan atau kurang diklasifikasikan sebagai wang tunai di Penyata A selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (PPK2 – Disemak 2010).

Laporan terperinci Wang Tunai boleh dirujuk kepada **Nota 3 – Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 berjumlah RM360.02 juta berbanding tahun 2015 iaitu berjumlah RM324.71 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan penambahan dalam pelaburan simpanan tetap jangka panjang bagi Malaysia Building Society Bhd berjumlah RM172.77 juta.

Laporan terperinci Pelaburan boleh dirujuk kepada **Nota 4 – Nota Kepada Penyata Kewangan.**

AKAUN MEMORANDUM

MEMORANDUM ASET

Pinjaman Boleh Tuntut

Baki pinjaman oleh agensi-agensi lain daripada Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2016 telah meningkat kepada RM56.29 juta berbanding RM55.86 juta pada tahun 2015.

Pada tahun 2016, terimaan bayaran balik (pokok) sebanyak RM4.07 juta dan bayaran faedah sebanyak RM0.36 juta telah dibuat kepada Kerajaan Negeri.

Pecahan baki Pinjaman Boleh Tuntut (pokok) mengikut agensi terdiri daripada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan sebanyak RM32.00 juta atau 56.85%,

Majlis Perbandaran Seremban sebanyak RM8.36 juta atau 14.85%, Syarikat Imapro Sdn. Bhd. RM6.62 juta atau 11.76%, Majlis Daerah Kuala Pilah RM0.06 juta atau 0.11%, Majlis Daerah Rembau RM0.32 juta atau 0.56% dan Yayasan Negeri Sembilan RM8.94 juta atau 15.87%

Laporan terperinci Pinjaman Boleh Tuntut boleh dirujuk kepada **Lampiran 3 dan Lampiran 3(i)– Lampiran Kepada Nota. Jadual 7** menunjukkan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Tuntut (pokok) daripada agensi pada tahun 2015 dan 2014.

JADUAL 7 – BAYARAN BALIK PINJAMAN BOLEH TUNTUT (POKOK)

	2016 (RM juta)	2015 (RM juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri, N. Sembilan	2.39	2.99
Majlis Perbandaran Seremban	0.20	0.20
Syarikat Imapro Sdn. Bhd	0.27	0.26
Majlis Daerah Kuala Pilah	0.06	0.06
Majlis Daerah Rembau	0.07	0.07
Yayasan Negeri Sembilan	1.08	0.97
Jumlah	4.07	4.55

Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada tahun 2016 adalah sebanyak RM42.00 juta, pengurangan sebanyak RM0.85 juta berbanding RM42.85 juta pada tahun 2015. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh penjualan saham Amanah Saham Bank Islam (ASBI) sebanyak RM0.85 juta.

Laporan terperinci Pelaburan boleh dirujuk kepada **Lampiran 4– Lampiran Kepada Nota.**

MEMORANDUM LIABILITI


Hutang Negeri

Hutang Awam Kerajaan Negeri (pokok) kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2016 meningkat sebanyak RM7.88 juta atau 0.84% kepada RM943.55 juta berbanding RM935.67 juta pada tahun 2015. Peningkatan jumlah dalam baki hutang ini adalah disebabkan penambahan jumlah pinjaman di bawah aktiviti Rancangan Bekalan Air bagi membiayai projek skim bekalan air Triang Daerah Seremban sebanyak RM13.49 juta.

Pecahan Hutang Kerajaan Negeri (pokok) mengikut sektor terdiri daripada Rancangan Bekalan Air sebanyak RM713.70 juta atau 74.05% (iaitu Projek Bekalan Air RMK 9 yang masih belum siap dan belum diambil alih oleh PAAB) diikuti Perumahan Awam Kos Rendah sebanyak RM95.10 juta atau 9.86% dan Perbadanan Kemajuan Negeri sebanyak RM30.75 juta atau 3.19% dan Pelbagai Hutang RM124.30 juta atau 12.90%.

Laporan terperinci hutang Kerajaan Negeri boleh dirujuk kepada **Lampiran 5 – Lampiran Kepada Nota. Carta 5** menunjukkan Bayaran Balik Hutang Kerajaan Negeri (pokok) dari tahun 2012 hingga 2016.

CARTA 5: BAYARAN BALIK HUTANG (POKOK) TAHUN 2011-2015





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak Pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2016; hasil operasi serta aliran tunai bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia



Putrajaya
25 Mei 2017

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
DAN
BENDAHARI NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2016.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2016.



YB. DATO' JOHANI BIN HASAN

Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus
27 Januari 2017



MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN

Bendahari Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus
27 Januari 2017

Penyata Kedudukan Kewangan

seperti pada 31 Disember 2016

Penyata	Nota	2016 RM	2015 RM	
WANG AWAM				
A	WANGTUNAI	3	180,166,199.69	197,293,027.07
B	PELABURAN	4	360,024,304.29	324,714,206.87
			<hr/>	<hr/>
			540,190,503.98	522,007,233.94
			<hr/>	<hr/>
DIPEGANG BAGI:				
KUMPULAN WANG DISATUKAN				
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	5	316,541,217.34	302,299,930.96
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	223,649,286.64	219,707,302.98
			<hr/>	<hr/>
			540,190,503.98	522,007,233.94
			<hr/>	<hr/>

Nota-nota mukasurat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

	2016		2015	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
TERIMAAN				
HASIL				
Hasil Cukai	128,079,049.73		130,012,906.16	
Hasil Bukan Cukai	186,294,559.73		192,590,921.06	
Terimaan Bukan Hasil	66,174,771.14		61,378,609.55	
		380,548,380.60		383,982,436.77
PINJAMAN				
Pinjaman Dalam Negeri	13,488,000.00		28,431,300.00	
		13,488,000.00		28,431,300.00
TERIMAAN MODAL				
Pelbagai Terimaan Modal	20,312,967.37		20,353,967.36	
Jualan Instrumen Kewangan	0.00		0.00	
		20,312,967.37		20,353,967.36
TERIMAAN LAIN				
Terimaan Amanah	7,329,445.18		0.00	
		7,329,445.18		0.00
JUMLAH TERIMAAN		421,678,793.15		432,767,704.13
BAYARAN				
PERBELANJAAN MENGURUS				
Emolumen	(143,339,835.38)		(137,939,294.30)	
Perkhidmatan Dan Bekalan	(79,044,641.33)		(79,254,668.54)	
Aset	(2,930,054.68)		(1,046,250.96)	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	(66,022,442.78)		(56,706,952.69)	
Perbelanjaan Lain	(5,243,611.80)		(6,594,512.48)	
		(296,580,585.97)		(281,541,678.97)
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN				
Langsung	(87,814,138.26)		(79,595,276.25)	
Pinjaman	0.00		(17,338,000.00)	
		(87,814,138.26)		(96,933,276.25)
PERBELANJAAN MODAL				
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	(35,310,097.42)		(294,139,891.27)	
		(35,310,097.42)		(294,139,891.27)
BAYARAN BALIK PINJAMAN				
Pinjaman Dalam Negeri	(5,612,798.88)		(5,454,439.52)	
Pinjaman Kepada Agensi / Pindahan Kepada Akaun Amanah	(13,488,000.00)		(12,000,000.00)	
		(19,100,798.88)		(17,454,439.52)
BAYARAN LAIN				
Bayaran Amanah	0.00		(21,189,813.83)	
		0.00		(21,189,813.83)
JUMLAH BAYARAN		(438,805,620.53)		(711,259,099.84)
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai		(17,126,827.38)		(278,491,395.71)
Wangtunai Pada, 31 Disember 2015		197,293,027.07		475,784,422.78
Wangtunai Pada, 31 Disember 2016		180,166,199.69		197,293,027.07

1 <u>Anggaran belanja mengurus</u>	RM
Anggaran disemak belanja mengurus	384,036,000.00
- anggaran pindahan kpd kump wang pembangunan	(71,880,000.00)
	<u><u>312,156,000.00</u></u>

2 <u>Sebenar belanja mengurus</u>	
Perbelanjaan mengurus	366,307,094.22
- caruman kup wang pembangunan	(64,113,709.37)
	<u><u>302,193,384.85</u></u>

3 Perubahan tunai, pelaburan dan amanah

TAHUN 2016

LEBIHAN HASIL DISOKONG OLEH PERUBAHAN TUNAI, PELABURAN DAN AMANAH:

	2016	2015	JUMLAH PERUBAHAN PADA TAHUN 2016
PERUBAHAN TUNAI	180,166,199.69	197,293,027.07	(17,126,827.38)
PERUBAHAN PELABURAN	360,024,304.29	324,714,206.87	35,310,097.42
PERUBAHAN AMANAH**			(7,329,445.18)
			10,853,824.86
			<u><u>10,853,824.86</u></u>
PERUBAHAN TUNAI, PELABURAN DAN AMANAH (BERSIH)			
** <u>Kiraan Perubahan Amanah</u>			
	Dr	Cr	JUMLAH PERUBAHAN PADA TAHUN 2016
Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	-	1,200,000.00	(1,200,000.00)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	4,075,472,394.54	4,066,646,566.69	8,825,827.85
Kumpulan Wang Amanah Awam	110,844,571.26	89,551,367.18	21,293,204.08
Deposit	32,482,025.73	68,730,502.84	(36,248,477.11)
			<u><u>(7,329,445.18)</u></u>

2014

LEBIHAN HASIL DISOKONG OLEH PERUBAHAN TUNAI, PELABURAN DAN AMANAH:

	2014	2013	JUMLAH PERUBAHAN PADA TAHUN 2014
PERUBAHAN TUNAI	475,786,422.78	458,319,390.98	17,467,031.80
PERUBAHAN PELABURAN	30,574,315.60	574,315.60	30,000,000.00
PERUBAHAN AMANAH**			(36,702,632.83)
			10,764,398.97
			10,764,398.97
PERUBAHAN TUNAI, PELABURAN DAN AMANAH (BERSIH)			
10,764,398.97			
** Kiraan Perubahan Amanah			
	Dr	Cr	JUMLAH PERUBAHAN PADA TAHUN 2014
Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	-	10,000,000.00	(10,000,000.00)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	3,169,124,338.14	3,182,931,213.14	(13,806,875.00)
Kumpulan Wang Amanah Awam	120,494,481.45	132,932,799.38	(12,438,317.93)
Deposit	34,890,021.58	35,347,461.48	(457,439.90)
			(36,702,632.83)

Penyata Akaun Memorandum

seperti pada 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
ASET			
Pinjaman Boleh Tuntut	8a	56,286,846.86	55,859,020.62
Pelaburan	8b	42,000,000.00	42,851,926.13
LIABILITI			
Hutang Awam	9	943,546,501.25	935,671,300.13

Nota-nota pada muka surat berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan yang merupakan caruman daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM).
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Simpanan Tetap bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang yang berjumlah RM174,000,000 diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS dan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK2) Disemak 2010.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2016 RM	2015 RM
Wang Tunai Dalam Bank	176,888,414.73	194,627,043.37
Wang Tunai Dalam Perjalanan	3,179,084.96	2,568,062.60
Wang Tunai Dalam Tangan	98,700.00	97,921.10
JUMLAH WANG TUNAI	180,166,199.69	197,293,027.07

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah (sekiranya ada) dan Pelaburan Wang Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2016	2015
	Nilai Buku Pelaburan Am RM	Nilai Buku Pelaburan Am RM
Saham - Syarikat Berhad	359,774,304.29	324,000,000.00
Saham Amanah - Amanah Saham Bank Islam	-	493,432.79
Bon - Amconstant Multi Maturity 2	-	70,774.08
Bank Kerjasama Rakyat - Jabatan Mufti	200,000.00	100,000.00
Bank Kerjasama Rakyat - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan	50,000.00	50,000.00
JUMLAH PELABURAN	360,024,304.29	324,714,206.87

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sebanyak RM64,113,709.37 telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2016			2015		
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran	
BAKI PADA 1 JANUARI		302,299,930.96		271,166,612.68		
HASIL						
Hasil Cukai	145,553,000.00	128,079,049.73	87.99	130,012,906.16	90.12	
Hasil Bukan Cukai	174,921,970.00	186,294,559.73	106.50	192,590,921.06	124.01	
Terimaan Bukan Hasil	63,561,030.00	66,174,771.14	104.11	61,378,609.55	90.61	
<i>Jumlah Hasil</i>	384,036,000.00	380,548,380.60	99.09	383,982,436.77	104.54	<i>(disambung)</i>

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

(sambungan)

Perihal	2016			2015		
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran	
PERBELANJAAN MENGURUS						
Emolumen	149,481,312.00	143,339,835.38	95.89	137,939,294.30	97.29	
Perkhidmatan dan Bekalan	85,861,537.13	79,044,641.33	92.06	79,254,668.54	91.99	
Aset	3,440,485.70	2,930,054.68	85.16	1,046,250.96	93.92	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	67,371,665.17	71,635,241.66	106.33	59,161,392.21	86.04	
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	6,001,000.00	5,243,611.80	87.38	6,594,512.48	96.38	
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum caruman)</i>	312,156,000.00	302,193,384.85	96.81	283,996,118.49	93.22	
<i>Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan</i>	71,880,000.00	64,113,709.37	89.20	68,853,000.00	108.31	
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas caruman)</i>	384,036,000.00	366,307,094.22	95.38	352,849,118.49	95.83	
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>	-	14,241,286.38		31,133,318.28		
BAKI PADA 31 DISEMBER		316,541,217.34		302,299,930.96		

Nota: (**) - Tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah Permasalahan Rakyat.

(a) Hasil

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dan diakaunkan secara jumlah kasar mengikut asas tunai ke dalam Akaun Hasil kecuali diuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016			2015		
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	139,014,000.00	139,014,000.00	120,741,214.03	86.86	122,352,382.60	89.63
Cukai Keluaran Hutan	2,000,000.00	2,000,000.00	1,605,489.50	80.27	2,407,513.53	80.25
Cukai Langsung Lain	38,000.00	38,000.00	41,788.03	109.97	93,282.47	16.81
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	4,501,000.00	4,501,000.00	5,690,558.17	126.43	5,159,727.56	122.82
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	145,553,000.00	145,553,000.00	128,079,049.73	87.99	130,012,906.16	90.12

(disambung)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

(sambungan)

Perihal	2016				2015	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran						
Pendaftaran dan Permit	25,160,080.00	25,160,080.00	35,978,415.73	143.00	31,696,180.36	128.14
Perkhidmatan dan Bayaran						
Perkhidmatan	20,404,900.00	20,404,900.00	20,659,018.64	101.25	20,808,977.60	110.57
Perolehan daripada Jualan						
Barang-barang	109,109,350.00	109,109,350.00	97,438,930.94	89.30	112,636,071.44	114.97
Sewaan	1,354,540.00	1,354,540.00	904,621.38	66.78	840,860.26	77.55
Keuntungan pembiayaan						
dan Perolehan	16,280,000.00	16,280,000.00	26,846,036.95	164.90	23,691,012.92	226.18
Denda dan Hukuman	2,613,100.00	2,613,100.00	4,467,536.09	170.97	2,917,818.48	130.96
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	174,921,970.00	174,921,970.00	186,294,559.73	106.50	192,590,921.06	124.01
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik						
Perbelanjaan	806,900.00	806,900.00	4,449,372.98	551.42	2,734,534.15	504.62
Terimaan daripada Agensi-						
Agensi Kerajaan	62,628,130.00	62,628,130.00	60,906,707.98	97.25	58,462,581.19	87.12
Pelbagai Terimaan	126,000.00	126,000.00	818,690.18	649.75	181,494.21	189.06
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	63,561,030.00	63,561,030.00	66,174,771.14	104.11	61,378,609.55	90.61
JUMLAH HASIL	384,036,000.00	384,036,000.00	380,548,380.60	99.09	383,982,436.77	104.54

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara LXXIV Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan.

Bagi maksud perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan, suatu anggaran tambahan dibentangkan di sesi Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara LXXIII Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2016			
	Anggaran	Anggaran	Sebenar	% Anggaran
	Asal RM	Dipinda RM		
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja	517,000.00	517,000.00	516,922.56	99.99
T. 03 Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri	135,000.00	135,000.00	119,768.00	88.72
T. 04 Hutang Kerajaan Negeri	7,950,000.00	7,950,000.00	7,936,155.30	99.83
T. 05 Perintah Mahkamah	3,000,000.00	3,000,000.00	2,612,755.07	87.09
T. 06 Pencen Dan Ganjaran	7,600,000.00	7,600,000.00	7,341,572.53	96.60
T. 07 Peruntukan Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin	1,018,000.00	1,018,000.00	1,050,299.96	103.17
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	20,220,000.00	20,220,000.00	19,577,473.42	96.82
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 01 Pemberian Kerabat Dan Waris	300,000.00	300,000.00	281,522.71	93.84
B. 02 Dewan Undangan	13,034,500.00	13,034,500.00	11,647,948.94	89.36
B. 03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	21,280,700.00	21,280,700.00	21,219,027.37	99.71
B. 04 Jabatan Pertanian	10,361,600.00	10,361,600.00	9,868,731.72	95.24
B. 05 Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	6,861,100.00	6,861,100.00	6,445,557.11	93.94
B. 06 Jabatan Pengairan Dan Saliran	15,076,400.00	15,076,400.00	14,551,387.45	96.52
B. 07 Jabatan Perhutanan	10,620,700.00	10,620,700.00	10,351,385.70	97.46
B. 08 Pejabat Menteri Besar	9,412,700.00	9,412,700.00	8,342,015.71	88.63
B. 09 Pelbagai Perkhidmatan	37,314,000.00	37,314,000.00	34,267,313.34	91.84
B. 10 Pejabat Yang Dipertuan Besar	6,580,600.00	6,580,600.00	6,193,691.77	94.12
B. 11 Jabatan Kerja Raya	18,317,500.00	18,317,500.00	16,282,961.16	88.89
B. 12 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	36,998,000.00	36,998,000.00	35,521,546.99	96.01
B. 13 Jabatan Kebajikan Masyarakat	16,327,800.00	16,327,800.00	15,418,149.50	94.43
B. 14 Majlis-Majlis Perbandaran Dan Daerah	3,000,000.00	3,000,000.00	2,979,600.85	99.32
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	4,938,400.00	4,938,400.00	4,146,132.88	83.96
B. 16 Pejabat Kewangan Negeri	7,514,200.00	7,514,200.00	6,687,047.49	88.99
B. 17 Jabatan Veterinar	6,349,300.00	6,349,300.00	5,934,499.27	93.47
B. 18 Caruman Kumpulan Wang Pembangunan dan Berkanun**	15,234,200.00	15,234,200.00	23,000,490.63	150.98
B. 19 Pejabat Tanah Dan Daerah Jelebu	4,871,700.00	4,871,700.00	4,727,235.40	97.03
B. 20 Pejabat Tanah Dan Daerah Jempol	5,022,200.00	5,022,200.00	4,649,804.79	92.59
B. 21 Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Pilah	5,802,400.00	5,802,400.00	5,425,931.61	93.51
B. 22 Pejabat Tanah Dan Daerah Port Dickson	6,173,900.00	6,173,900.00	5,883,411.21	95.29
B. 23 Pejabat Tanah Dan Daerah Rembau	4,741,500.00	4,741,500.00	4,137,362.05	87.26

(disambung)

(sambungan)

Maksud Perbelanjaan	2016			
	Anggaran	Anggaran	Sebenar	% Anggaran
	Asal RM	Dipinda RM		
B. 24 Pejabat Tanah Dan Daerah Seremban	7,455,000.00	7,455,000.00	7,360,312.15	98.73
B. 25 Pejabat Tanah Dan Daerah Tampin	4,524,000.00	4,524,000.00	4,118,235.95	91.03
B. 26 Pejabat Tanah Dan Daerah Kecil Gemas	2,550,000.00	2,550,000.00	2,469,195.11	96.83
B. 27 Jabatan Mufti Negeri	3,156,000.00	3,156,000.00	2,991,403.13	94.78
B. 28 Jabatan Kehakiman Syariah	5,879,900.00	5,879,900.00	5,872,454.18	99.87
B. 29 Pejabat Balai Undang Yang Empat Dan Tunku Besar Tampin	2,237,700.00	2,237,700.00	1,841,555.26	82.30
<i>Jumlah Perbelanjaan Bekalan</i>	291,936,000.00	291,936,000.00	282,615,911.43	96.81
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum caruman)	312,156,000.00	312,156,000.00	302,193,384.85	96.81
CARUMAN KEPADA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	71,880,000.00	71,880,000.00	64,113,709.37	89.20
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas caruman)	384,036,000.00	384,036,000.00	366,307,094.22	95.38

** B18 Caruman Kumpulanwang Pembangunan dan Berkanun adalah tidak termasuk caruman Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah Permasalahan Rakyat yang ditunjukkan secara berasingan.

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di **Lampiran 1** - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan punca kewangan yang lain di bawah kuasa Undang-Undang Negeri dan pembayarannya diakaunkan dalam Akaun Pinjaman Disatukan. Terimaan dari Pinjaman untuk pembiayaan projek dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan manakala bagi pinjaman yang diterima untuk pembangunan Bekalan Air akan dipindahkan ke Akaun Amanah Pembangunan Bekalan Air.

Bayaran pokok dan faedah hutang negeri bagi anuiti semasa dan tunggakan tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T04 berjumlah RM 7,936,155.30 seperti di Nota 5(b).

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016	2015
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Badan Berkanun		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	-	-
Bayaran *	-	-
Baki pada 31 Disember	-	-

(disambung)

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

(sambungan)

Perihal	2016	2015
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Bekalan Air		
Terimaan	13,488,000.00	12,000,000.00
Bayaran *	(13,488,000.00)	(12,000,000.00)
Baki pada 31 Disember	-	-
Perumahan Kos Rendah		
Terimaan	-	-
Bayaran *	-	-
Baki pada 31 Disember	-	-
Pelbagai		
Terimaan	-	16,431,300.00
Bayaran *	-	(16,431,300.00)
Baki pada 31 Disember	-	-
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	-	-

* Bayaran termasuk pindahan ke kumpulan wang masing-masing

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pada 01.01.2016	Debit	Kredit	Baki pada 31.12.2016
	(Debit)/Kredit			(Debit)/Kredit
	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	(310,072,558.92)	87,814,138.26	84,426,676.74	(313,460,020.44)
Kumpulan Wang Bekalan Air	(32,127,155.85)	-	1,200,000.00	(30,927,155.85)
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	387,995,487.08	4,075,472,394.54	4,066,646,566.69	379,169,659.23
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	45,795,772.31	4,163,286,532.80	4,152,273,243.43	34,782,482.94
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Awam	123,630,395.56	110,844,571.26	89,551,367.18	102,337,191.48
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	123,630,395.56	110,844,571.26	89,551,367.18	102,337,191.48

(disambung)

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

(sambungan)

Perihal	<i>Baki pada</i> <i>01.01.2016</i> <i>(Debit)/Kredit</i>	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>	<i>Baki pada</i> <i>31.12.2016</i> <i>(Debit)/Kredit</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	50,281,135.11	32,482,025.73	68,730,502.84	86,529,612.22
<i>Jumlah Akaun Deposit</i>	50,281,135.11	32,482,025.73	68,730,502.84	86,529,612.22
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	219,707,302.98	4,306,613,129.79	4,310,555,113.45	223,649,286.64

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- (i) Kumpulan Wang Pembangunan mengaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup dan Kumpulan Wang Sewa Rumah Awam Kos Rendah.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016 <i>(Debit)/Kredit</i>	2015 <i>(Debit)/Kredit</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
BAKI PADA 1 JANUARI	(310,072,558.92)	(315,777,550.03)
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	64,113,709.37	65,853,000.00
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	18,496,000.00	18,496,000.00
Sewa Rumah Awam Kos Rendah	1,816,967.37	1,857,967.36
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	-	16,431,300.00
Pelbagai Terimaan Yang Tidak Dijelaskan	-	-
<i>Jumlah Terimaan</i>	84,426,676.74	102,638,267.36

(disambung)

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2016	<i>(sambungan)</i> 2015
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	(87,814,138.26)	(79,595,276.25)
Pinjaman	-	(17,338,000.00)
<i>Jumlah Bayaran</i>	(87,814,138.26)	(96,933,276.25)
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>	(3,387,461.52)	5,704,991.11
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER	(313,460,020.44)	(310,072,558.92)

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di **Lampiran 2** - Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

- (ii) Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air ditubuhkan mengikut kehendak Akta 20/1960 serta menerima pakai Akta 230/1980 bagi tatacara kewangan dan perakaunan mengikut Arahan Amanah Jabatan Bekalan Air.

Kumpulanwang Amanah Bekalan Air Negeri tidak mencatatkan sebarang urusniaga sejak tahun 2009 disebabkan Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan telah dikorporatkan menjadi Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) pada 1 Januari 2009.

Kerajaan Negeri bersetuju untuk menghapuskira baki berjumlah RM57,127,155.85 secara berperingkat mulai tahun 2014.

Kumpulanwang Amanah Bekalan Air pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2016	2015
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	(32,127,155.85)	(37,127,155.85)
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	1,200,000.00	5,000,000.00
Pelbagai Terimaan KWABA	-	-
<i>Jumlah Terimaan</i>	1,200,000.00	5,000,000.00
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	-	-
Pinjaman	-	-
<i>Jumlah Bayaran</i>	-	-
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>	1,200,000.00	5,000,000.00
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH BEKALAN AIR PADA 31 DISEMBER	(30,927,155.85)	(32,127,155.85)

- (iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2016 (Debit)/Kredit RM	2015 (Debit)/Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Akaun Penyelesaian Utama	2,000,000.00	2,000,000.00
Akaun Bayaran Pukal	-	-
Akaun Penyelesaian Bank	-	-
Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan	32,158,000.00	42,158,000.00
Akaun Bantuan Kebajikan Negeri	(1,123,800.00)	(1,128,770.00)
Akaun Pindahan Baki Bank Lama	-	-
Akaun Pemindahan Wang Antara Bank	-	-
Akaun Penyelesaian Jabatan Veterinar	-	-
